

**S** : Mengapakah wanita yang dilihat lebih cemerlang ketika di universiti didapati sukar mendapat peluang apabila melangkah ke alam pekerjaan?

**J** : Tidak dinafikan pelajar perempuan apabila dalam pengajian memang kebanyakannya lebih cemerlang daripada lelaki. Hal ini turut berlaku di kebanyakan institusi pengajian tinggi.

Mereka boleh dikatakan ramai yang 'ulat buku', namun zaman sudah berubah kerana kini majikan bukan hanya melihat kecemerlangan akademik tetapi graduan yang seimbang dalam aspek pelajaran dan kokurikulum.

Jadi, dalam hal ini, apabila mereka (pelajar perempuan) hanya cemerlang dalam akademik peluang untuk diambil bekerja lebih tipis berbanding pelajar lelaki yang mungkin keputusan akademiknya berada pada tahap sederhana tetapi mempunyai pakej kemahiran insaniah lengkap.

Dunia pengajian dan pekerjaan berbeza, jika di universiti seseorang itu hanya belajar tanpa mengikuti aktiviti lain di luar kuliah, mereka rugi.

Tempoh pengajian di universiti adalah masa terbaik untuk seseorang meneroka dan mengasah bakat atau kemahiran menerusi pelbagai program yang disediakan.

Kecemerlangan akademik ialah tiket untuk graduan mendapatkan tempat untuk temu duga, namun ketika seseorang calon itu ditemuduga dan proses selepas itu banyak bergantung kepada kemahiran insaniah mereka.

**S** : Apakah cadangan yang dirasakan wajar dilaksanakan pihak kerajaan terutama agensi berkaitan dalam meningkatkan kebolehan pasaran pelajar wanita?

**J** : Kerajaan terutama menerusi Kementerian Pendidikan sudah pun mentransformasikan sistem pendidikan yang dulunya lebih berorientasikan peperiksaan kepada pentaksiran atau penilaian bermula di sekolah.

Menerusi pendekatan ini, pelajar sama ada perempuan mahupun lelaki dididik bukan saja untuk cemerlang dalam akademik tetapi juga kokurikulum membabitkan aktiviti luar kelas untuk mengasah kemahiran insaniah mereka.

Pada peringkat universiti pula, banyak aktiviti yang boleh disertai pelajar bagi mempersiapkan diri mereka dengan kemahiran insaniah menerusi aktiviti persatuan, kepemimpinan pelajar, kelab dan penyertaan pelbagai pertandingan.

Semua itu disediakan dalam usaha melahirkan pelajar yang holistik. Perkataan 'holistik' itu sendiri, kini begitu hangat diperkatakan



# Tiada 'diskriminasi gender'

**K** ebolehpasaran graduan menjadi isu yang sering diperkatakan terutama selepas umur pencen sektor pekerjaan dilanjutkan dan pelajar perempuan yang meraih kecemerlangan di universiti dilihat menghadapi kesukaran mendapatkan kerja.

Ikuti pandangan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia, Prof. Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran mengenai isu kebolehpasaran pelajar perempuan seperti disampaikan kepada wartawan *Varsiti*, Basir Zahrom.

terutama dalam bidang pendidikan.

Oleh itu, dalam meningkatkan kebolehpasaran,

“

**JUMLAH PELAJAR WANITA YANG MASUK KE UNIVERSITI SABAN TAHUN MELEBIHI PELAJAR LELAKI DENGAN NISBAH 70:30, JADI SAINGAN PASTINYA LEBIH SENGIT. MEREKA PERLU SEDAR HAL INI SEKARANG DAN MEMANFAATKAN MASA PENGAJIAN SEBAIK-BAIKNYA DENGAN MENCEBURKAN DIRI DALAM PELBAGAI AKTIVITI”**

pelajar perempuan perlu mengubah persepsi yang mengatakan kecemerlangan akademik itu adalah segala-galanya kerana kini banyak aspek lain turut diambil kira.

Memang benar, kecemerlangan itu amat penting, namun ia bukanlah penentu mutlak yang membantu kebolehpasaran seseorang graduan.

Jumlah pelajar wanita yang masuk ke universiti saban tahun melebihi pelajar lelaki dengan nisbah 70:30, jadi sains

gan pastinya lebih sengit.

Jadi, mereka perlu sedar hal ini sekarang dan memanfaatkan masa pengajian sebaik-baiknya dengan menceburkan diri dalam pelbagai aktiviti di luar kuliah.

**S** : Adakah masih wujud istilah 'diskriminasi gender' dalam mendapatkan pekerjaan ketika ini?

**J** : Secara umumnya, kini sudah tidak timbul isu sedemikian kerana majikan sekarang

lebih melihat kepada bakat seseorang pemohon sesuatu pekerjaan berbanding jantina.

Dahulu, kita boleh lihat jururawat didominasi kaum hawa, namun kini sudah ramai lelaki yang menjadikan pekerjaan itu sebagai sumber rezeki mereka.

Kerjaya seperti juruterbang dan ketua pegawai eksekutif pula yang banyak dikuasai lelaki, kini ramai juga disandang kaum wanita. Oleh itu jelas kini jantina bukan penghalang untuk seseorang men-

capai kerjaya hingga ke tahap tertinggi.

Jika graduan mempunyai pakej menarik seperti kecemerlangan akademik ditambah dengan pembabitan secara aktif dalam aktiviti kokurikulum, pastinya mereka menjadi rebutan apabila melangkah ke alam pekerjaan.

**S** : Apabila dalam alam pekerjaan pula, adakah faktor keluarga atau rumah tangga menjadi punca wanita terpaksa mengorbankan kerjaya mereka dalam tempoh tertentu dan bagaimana ia boleh ditangani?

**J** : Secara sosial, tiada halangan untuk wanita untuk cemerlang dalam kerjaya mereka dan perkara ini lebih kepada persepsi masyarakat sebenarnya.

Apa yang penting ialah seseorang itu bijak membahagikan masa dan menetapkan keutamaan dalam kerjaya serta keluarga.

Pengurusan keluarga tidak boleh dijadikan sebagai alasan untuk bekerja dengan baik kerana ada juga ibu yang mempunyai anak lima, namun prestasi kerjanya di tahap yang baik.

Sebaliknya, ada juga yang belum atau tidak berkeluarga pun, namun gagal menunjukkan hasil kerja membe-rangsangkan.

